

Kakitangan kerajaan diingat laksanakan tugas dengan sempurna

KUALA LUMPUR 11 Jan. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan kakitangan kerajaan supaya menjalankan tugas dengan sempurna untuk meningkatkan prestasi dan produktiviti mereka supaya negara boleh menjadi maju, aman dan bahagia. Perdana Menteri berkata dengan memberikan perkhidmatan sedemikian ia bukan sahaja boleh menjamin kehidupan yang lebih baik tetapi akan menjadikan Malaysia dihormati oleh negara-negara lain di dunia. Berucap melancarkan program bulanan "Kerah perkhidmatan cemerlang dan cintai negara kita" bagi kakitangan Jabatan Perdana Menteri di sini pagi ini beliau juga berkata bahawa rakyat sepatutnya bersyukur kerana berada dalam keadaan sihat, berkedudukan baik

walaupun ramai yang menjadi penganggur di samping dapat hidup dengan aman damai tanpa diganggu-gugat.

"Kerana itu kita sepatutnya tahu bersyukur bahawa kita adalah penerima banyak kebahagiaan dan kerana itu harus juga menjadi pemberi," tambah Perdana Menteri lagi. Beliau mengingatkan: "Kita tidak seharusnya menjadi penerima sahaja tetapi sebaliknya harus menjadi pemberi dengan memberi khidmat cemerlang kepada agama, bangsa dan negara.

Ini katanya tidak bermakna dulu kakitangan kerajaan tidak memberikan khidmat yang cemerlang.

Menurut Perdana Menteri, apa yang beliau mahu ialah kakitangan kerajaan

mempertingkatkan prestasi mereka supaya negara boleh bertambah maju.

Beliau bagaimanapun mengingatkan bahawa khidmat seperti itu harus diberikan dengan rasa insaf.

Datuk Sri Dr. Mahathir turut berharap agar program yang diwajibkan pada hari Isnin pertama setiap bulan yang julung kali dibuat hari ini dapat mengingatkan kakitangan kerajaan supaya bersyukur dan memberikan khidmat cemerlang yang diharapkan.

Upacara pagi ini dihadiri oleh semua menteri dan timbalan menteri kecuali Timbalan Perdana Menteri. Encik Ghafar Baba yang sedang bercuti, Raja Ariffin Raja Sulaiman serta Setiausaha Parlimen JPM, Encik Othman Abdul.

Majlis dimulakan tepat jam 8 pagi dengan nyanyian lagu Negaraku dan diikuti dengan lagu Setia.

Sementara itu ketika ditemui selepas upacara itu Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr. Yusof Noor menggesa kementerian-kementerian lain mencontohi langkah Jabatan Perdana Menteri (JPM) mengadakan perhimpunan bulanan kakitangan.

Bagaimanapun katanya langkah ini tidak perlu diwajibkan kepada kementerian-kementerian lain.

Katanya, "saya seboleh-bolehnya cuba mengelak dari mengeluarkan arahan supaya langkah JPM itu dicontohi."

"Adalah lebih baik jika kementerian-kementerian lain dapat mencontohi langkah JPM selaras dengan slogan kepimpinan melalui tauladan."